

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhamad Shahrudin

Nadiyah Yahyauddin

### IN THIS ISSUE:

- \* Fun With Language
- \* Written Articles
- \* APB Rembau Activities (March to October 2024)

## **Penyu: wira senyap kelestarian ekonomi negara.**

Ditulis oleh Mumtaz Bte Ahmad

Penyu merupakan asset ekonomi negara. Ia merupakan tarikan utama aktiviti pelancongan pantai yang paling pesat berkembang diseluruh dunia termasuk Malaysia, terutamanya di kawasan seperti Terengganu (Poti, Rusli, Md Jani dan Huge, Dahdouh-Gouba, 2021) dan Sabah (Teh, L.S., Teh, L.C., & Jolis, G. (2018).). Industri ini telah menghasilkan 10.3% daripada keluaran dalam negara kasar pada peringkat global dan menyokong 330 juta pekerjaan pada tahun 2019 (Mooser et al., 2022). Di Malaysia, beberapa tempat telah dikenal pasti sebagai tempat penyu mendarat dan bertelur. Terdapat 4 spesis penyu didunia yang mendarat di Malaysia iaitu Penyu Belimbing di Terengganu, Penyu Karah di Negeri Sembilan, Melaka dan Terengganu, Penyu Agar di Perak, Terengganu, Pahang, Pulau Pinang dan Johor, dan Penyu Lipas di Pulau Pinang dan Terengganu (Marinepark, 2024).



Foto credit kepada fb @nuraimansuhaimi

Penyu hidup dengan berenang bebas di lautan luas tanpa kembali ke rumah mereka setiap hari. Dan keajaiban alam semulajadi ini adalah penyu-penyu betina ini akan kembali ke pantai asal mereka setiap kali musim bertelur tiba (Rusli & Samsol, 2024). Walaubagaimanapun, penyu-penyu ini berhadapan dengan pelbagai ancaman di luar sana seperti pencemaran laut, penangkapan ikan berlebihan, pembangunan pantai yang tidak terkawal, serta pemburuan telur penyu untuk dijual. Memulihara penyu bukan hanya bertujuan untuk melindungi alam sekitar, ia juga adalah soal menjana ekonomi setempat. Malaysia mendapat beberapa manfaat ekonomi daripada penyu, yang akan hilang sekiranya mereka pupus.

"Pelancongan" laut, matahari dan pasir yang sangat bergantung kepada kehadiran penyu laut dan kehidupan laut lain turut berisiko kepada penurunan populasi ini (Booming Malaysia, 1983). Dengan semakin ramai pelancong yang datang untuk menyaksikan keajaiban alam semula jadi ini secara langsung, penduduk tempatan mendapat peluang untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui perniagaan seperti homestay, restoran, dan jualan cenderamata. Penyu kini menjadi 'duta' yang memperkenalkan keindahan Malaysia kepada dunia dan pada masa yang sama membantu komuniti tempatan menjana pendapatan secara lestari.



Foto credit kepada fb @nuraimansuhaimi

Costa Rica, Indonesia, Mexico, Seychelles Dan Sri Lanka, kesemua negara ini telah membuktikan bahawa dengan menggabungkan pemuliharaan penyu dan pelancongan yang mesra alam, mereka bukan sahaja dapat melindungi spesies yang terancam tetapi juga membantu meningkatkan ekonomi setempat dan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk. Setiap tahun ribuan pelancong datang dari dalam dan luar negara untuk menyaksikan keajaiban penyu bertelur atau menyelam bersama spesies marin yang terancam ini. Industri pelancongan ekologi ini telah menjadi tunjang ekonomi bagi ramai penduduk tempatan. Contohnya, di Rantau Abang, Terengganu, program pelancongan penyu menarik pelancong yang berbelanja di restoran, kedai cenderamata, dan homestay milik penduduk tempatan. Pelancong membelanjakan wang untuk penginapan, makanan, aktiviti seperti menyelam skuba

dan melihat penyu bertelur, yang menyumbang kepada ekonomi tempatan. Namun, apakah yang akan terjadi jika penyu pupus? Kehilangan penyu akan mengurangkan tarikan pelancongan ini, yang membawa kepada kerugian pendapatan bagi perniagaan dan komuniti tempatan.

Kehilangan penyu tidak hanya akan menjadikan pelancongan, tetapi memberi kesan berganda juga kepada seluruh ekosistem perniagaan tempatan. Sebagai contoh perniagaan kecil seperti pengusaha bot dan penginapan. Jika kedatangan pelancong menurun, perniagaan mereka akan turut terjejas. Bukan itu sahaja, pekerja tempatan yang selama ini bergantung pada sektor ini untuk menyara keluarga mereka akan berdepan risiko kehilangan pekerjaan. Contoh nyata dapat dilihat di Pulau Tioman, di mana kehadiran penyu membantu menarik pelaburan dalam resort eko-pelancongan dan program pemuliharaan marin. Sekiranya penyu tiada, banyak perniagaan akan gulung tikar, mengakibatkan kehilangan sumber ekonomi bagi masyarakat setempat.



Foto credit kepada fb @nuraimansuhaimi

Sekiranya penyu pupus, kita akan kehilangan lebih daripada sekadar hidupan laut, kita akan kehilangan ekosistem yang rapuh dan sangat penting untuk kelangsungan komuniti yang bergantung kepadanya. Penyu memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem laut terutamanya menyumbang kepada kesihatan terumbu karang dan ekosistem marin. Penyu hijau memakan rumpai laut yang mengawal pertumbuhannya, yang seterusnya menyokong terumbu karang yang sihat. Sekiranya terumbu karang tidak sihat, ini menjelaskan industri perikanan tempatan yang bergantung kepada ekosistem marin yang sihat. Ekosistem yang sihat ini menyediakan pelbagai perkhidmatan ekosistem, seperti perlindungan pantai, penyerapan karbon dan sumber makanan. Kehilangan penyu boleh menjelaskan perkhidmatan ekosistem ini, yang membawa kepada kos ekonomi yang ketara dalam jangka masa panjang. Nelayan kecil di kampung-kampung pesisir akan mengalami kerugian, dan ini akan memberikan kesan langsung kepada sumber makanan dan ekonomi negara. Penangkapan penyu secara haram dan kerosakan yang disebabkan oleh kaedah penangkapan yang merosakkan boleh menyebabkan penduduk tempatan kehilangan pendapatan perikanan pada masa hadapan. (Idris et al., 2021)

Selain daripada itu, laut yang cantik turut menarik minat pelancong untuk turut serta.

Dengan penurunan minat pelabur, pembangunan infrastruktur yang penting bagi pertumbuhan ekonomi tempatan juga akan terbantut. Penyu bukan sahaja menarik pelancong, tetapi juga pelabur. Banyak pelaburan dalam projek ekopelancongan, seperti pembangunan pusat konservasi penyu dan resort hijau, berdasarkan kehadiran penyu sebagai daya tarikan semula jadi. Kehilangan penyu bermakna peluang pelaburan dan pembangunan di kawasan pesisir pantai akan merosot. Dengan penurunan minat pelabur, pembangunan infrastruktur yang penting bagi pertumbuhan ekonomi tempatan juga akan terbantut. Adalah penting untuk Malaysia melindungi populasi penyu untuk mengekalkan manfaat ekonomi yang diperoleh daripada aktiviti yang berkaitan dengan penyu.



Pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah bekerjasama Pusat Konservasi Penyu memulihara kawasan persinggahan penyu di Melaka.

Kehilangan penyu bermakna kehilangan sumber utama tarikan pelancong. Tanpa penyu, pelancong mungkin akan memilih destinasi lain, mengakibatkan perniagaan tempatan kehilangan pendapatan yang

kritikal. Sebuah kajian menunjukkan bahawa sektor pelancongan berasaskan penyu di Terengganu sahaja menjana jutaan ringgit setahun, namun semua ini bakal hilang sekiranya langkah segera tidak diambil untuk melindungi penyu. Sebagai contoh, program pemuliharaan penyu di Sabah telah menarik pelaburan dari badan antarabangsa dan sektor swasta, yang membantu mempromosikan pembangunan lestari di kawasan tersebut. Namun, tanpa kehadiran penyu, pelaburan sebegini mungkin tidak lagi menarik.

Memelihara populasi penyu bukan sahaja untuk memelihara warisan alam semula jadi kita, tetapi juga untuk menyelamatkan ekonomi yang bergantung kepada spesies ini. Kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat perlu berganding bahu untuk menguatkan usaha pemuliharaan, mengawal pencemaran laut, dan menyokong aktiviti yang memelihara habitat penyu. Mengabaikannya adalah satu risiko besar yang tidak mampu kita tanggung. Ambil tindakan sekarang untuk melindungi penyu, bukan sahaja untuk mereka tetapi juga untuk masa depan kita. Bertindaklah untuk melindungi keajaiban alam ini sebelum terlambat.